



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

Director General of Education Malaysia

ARAS 8, BLOK E8

Level 8, Block E8

KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E

Government Complex Parcel E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Federal Government Administrative Centre

62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077

Faks: 03-8889 4548

Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld.¶(2)
Tarikh : 3 Mei 2024

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 6
TAHUN 2024**

**PELAKSANAAN DOKUMEN PENJAJARAN KURIKULUM STANDARD SEKOLAH
RENDAH (SEMAKAN 2017) EDISI 3 BAGI MATA PELAJARAN SAINS DAN
MATEMATIK TAHAP I**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Pelaksanaan Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3 bagi Mata Pelajaran Sains dan Matematik Tahap I.

2. Mesyuarat Jemaah Menteri Bilangan 4 Tahun 2024 bertarikh 24 Januari 2024 memutuskan supaya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merancang inisiatif bagi menangani isu keciciran murid termasuk keciciran pembelajaran. Inisiatif yang dirancang mestilah menyokong program sedia ada untuk meningkatkan keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Sains dan Matematik.

3. Sehubungan dengan itu, KPM telah menyediakan Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017) Edisi 3 bagi mata pelajaran Sains dan Matematik bermula dengan Tahap I. Dokumen Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3 ini bertujuan membantu guru merancang kaedah bagi menyampaikan kandungan kurikulum yang dijajarkan dalam bilik darjah dan seterusnya dapat menangani isu keciciran pembelajaran dalam kalangan murid.

4. Penjajaran kurikulum ini melibatkan pengemaskinian dan penyusunan semula kandungan mata pelajaran Sains dan Matematik Tahap I sedia ada. Dokumen

Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3 ini disediakan sebagai pilihan kepada guru dalam pelaksanaan kurikulum sekolah rendah. Dokumen ini boleh digunakan bersama-sama dokumen seperti yang berikut:

- 4.1 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (Semakan 2017);
 - 4.2 Modul Bimbingan (MOBIM); dan
 - 4.3 Bahan sokongan lain yang bersesuaian.
5. Surat siaran ini hendaklah dibaca bersama-sama Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 8 Tahun 2016: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Secara Berperingkat-Peringkat Mulai Tahun 2017 bertarikh 2 November 2016.
6. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh surat siaran ini dikeluarkan.
7. Dengan berkuatkuasanya surat siaran ini, maka Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2022: Pelaksanaan Kurikulum Persekolahan Mulai Kalender Akademik Sesi 2022/2023 bertarikh 07 Mac 2022 adalah **terbatal**.
8. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan surat siaran ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(**HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN**)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru

Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
- 1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 - 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 - 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 - 4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 - 5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 - 6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia